

**BN Teruskan Tradisi Bantu Golongan Memerlukan, Kata Shahrizat  
Bernama  
17 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Melakukan kerja amal, membantu wanita, orang kelainan upaya serta mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal dan golongan miskin sentiasa menjadi keutamaan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam usahanya untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Melalui empat agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan menyedarkan orang ramai tentang peranan penting institusi wanita dan keluarga dalam pembangunan negara.

Sejajar dengan semangat untuk mewujudkan 'Masyarakat Prihatin dan Maju' yang diberi penekanan di bawah Wawasan 2020, Umno, melalui sayap wanitanya, merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk membantu golongan kurang bernasib meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup mereka.

Pada pertemuan di Anjung Singgah, sebuah pusat perlindungan sementara di Jalan Hang Lekiu kelolaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di sini, hari ini, pengerusi lembaga pemegang amanah yayasan itu Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata Umno memberi perhatian utama terhadap kerja amal sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957 lagi.

Beliau ditemui ketika menghadiri majlis sambutan Hari Raya dan Hari Malaysia bersama lebih 2,000 tetamu, termasuk 626 orang tidak berumah yang berdaftar dengan yaysan berkenaan, 223 daripada mereka, kini mendapat perlindungan sementara di rumah kebajikan berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695150>